

27 SEP 2003

Najib-Tentera

TENTERA M'SIA HANYA BERSEDIA KE IRAQ DI BAWAH KENDALIAN PBB, NAJIB

PEKAN, 27 Sept (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa diletakkan dalam keadaan bersiap sedia untuk menyertai misi pasukan pengaman ke Iraq di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Najib berkata seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia tidak akan menyertai pasukan tentera pelbagai negara yang diinisiatifkan mana-mana negara melainkan hanya melalui kendalian PBB, adalah muktamad.

"Memang itu merupakan pendirian kita, kita tidak akan bertugas di luar negara melainkan di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan kita menunggu bila sampai pada masanya PBB ambil alih menentukan kemas dan ketenteraman awam di Iraq, ...pada masa itu kita bersedialah mengambil bahagian, kerana kita mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang misi keamanan," katanya.

Beliau yang ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat persiapan pilihan raya Umno bahagian Pekan berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam yang menyebut tentera Malaysia cuma ke Iraq jika dikendalikan PBB.

Najib berkata ATM akan menyertai misi pengaman apabila kerajaan memutuskan untuk menghantar pasukan keselamatan melalui kendalian PBB.

"Kita akan lihat perkembangan di Iraq dan kita tidak tahu bila PBB akan diberi kuasa mentadbir di Iraq...sementara menunggu kuasa berpindah kepada rakyat Iraq secara muktamad.

"Nampaknya, pihak US (Amerika Syarikat) masih belum menunjukkan satu bentuk kaedah dan tempoh masa ke arah PBB mengambil alih (mentadbir di Iraq) walaupun ada bayangan Presiden US untuk melibatkan negara-negara lain, tetapi keinginan mereka melibatkan PBB masih belum pasti..," katanya.

Sementara itu, Najib berkata hasil lawatan beliau ke Sweden bersama rombongan Perdana Menteri baru-baru ini juga berjaya meningkatkan hubungan dalam mempertingkatkan kerjasama dalam lapangan ketenteraan dengan beberapa syarikat pengeluar peralatan tentera di negara terbabit.

Najib berkata antaranya ialah syarikat pengeluar alatan ketenteraan Sweden, Bofors Defence yang akan menandatangani perjanjian usaha sama dengan syarikat Malaysia - Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd dan Naval Dockyard Sdn Bhd bagi membina kilang membuat peralatan meriam kapal di negara ini.

"Perjanjian itu dijadualkan berlangsung semasa Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 03). Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah memiliki lebih 140 meriam buatan Bofors.

"Melalui perjanjian itu nanti, kilang berkenaan yang akan dibina di Lumut, Perak juga akan menjadi tempat penyelenggaraan meriam keluaran Bofors di rantau ini," katanya.

Bagaimanapun Najib berkata butiran terperinci mengenai perkara berkenaan akan diperjelaskan ketika perjanjian itu ditandatangani.

-- BERNAMA

MS LAT